

**SOALAN NO: 31****Program Jangkauan dan Kesedaran**

Tindakan kerajaan bukan sahaja menjurus kepada penguatkuasaan dan pendakwaan tetapi juga melalui program-program jangkauan dan kesedaran. Sepanjang tahun 2017, SKMM telah mengadakan sebanyak lebih kurang **561** program-program kesedaran kepada masyarakat seluruh negara dengan anggaran capaian lebih kurang seramai **1.5 juta** audiens/individu.

Antara kandungan mesej-mesej utama advokasi yang disampaikan melalui program jangkauan ini ialah:

- i. Isu perkongsian maklumat dan penyebaran maklumat palsu;
- ii. Peranan ibubapa bagi melindungi keselamatan kanak-kanak semasa dalam talian;
- iii. Pengaruh '*Extremism*' & '*Radicalization*' dalam kalangan masyarakat;
- iv. Ketagihan internet dalam kalangan masyarakat; dan
- v. Membudayakan penggunaan Internet secara beretika dan positif melalui program "Klik Dengan Bijak".

Semua program jangkauan ini dilaksanakan secara kerjasama bersama **18** rakan strategik yang terdiri daripada sektor Kerajaan, NGO, IPTA/S, UNICEF dan lain-lain. Ini termasuk pengedaran secara berperingkat poster-

57

**SOALAN NO: 31**

poster mengenai etika penggunaan Internet di semua masjid dan surau seluruh negara hasil kerjasama dengan JAKIM.

**Pesanan Khidmat Awam (PSA)**

Selain kempen bersemuka, SKMM juga mengadakan kempen kesedaran melalui Pesanan Khidmat Awam (PSA) yang disiarkan di televisyen dan radio contohnya hebahan am mengenai portal Sebenarnya.my – “*tidak pasti jangan kongsi*” yang telah disiarkan di beberapa stesen TV dan radio tempatan. Lebih 50,000 pesanan khidmat awam (*Public Service Announcement*) di corong radio dan TV.

**Portal Sebenarnya.my**

Sebagai langkah proaktif, SKMM juga telah melancarkan portal Sebenarnya.my bagi membolehkan orang awam menyemak berita dalam talian yang diragui kesahihannya. Portal tersebut mendapat reaksi positif daripada masyarakat berdasarkan jumlah layaran sejak pelancarannya pada 14 Mac 2017 sehingga kini telah mencapai lebih **20 juta layaran**, dengan purata hampir 2 juta layaran setiap bulan.

Bagi memastikan keberkesanan masyarakat menerima maklumat yang tepat dan pantas, portal tersebut diperluaskan dengan pengenalan aplikasi di telefon pintar dan saluran media sosial seperti *Facebook* dan *YouTube* bermula tahun ini.

## SOALAN NO: 31

Selain itu, pelbagai program advokasi dan kesedaran telah dijalankan SKMM di media sosial dan lapangan bagi menyokong inisiatif portal Sebenarnya.my, memupuk kesedaran awam mengenai gejala berita palsu, serta membudayakan amalan menyemak dan menentu sahkan sesuatu berita. Program advokasi dan kesedaran serta inisiatif hebahan yang dijalankan termasuk:

- 561 program dan acara di lapangan dengan penyertaan melebihi 1.5 juta ahli masyarakat;
- Pendedahan/hebahan media melalui 264 artikel media cetak dan online serta slot TV dan radio;
- Lebih 50,000 pesanan khidmat awam (atau Public Service Announcement) di corong radio dan TV;
- Pengiklanan pesanan di lokasi-lokasi strategik, stesen-stesen minyak, dan sebagainya; dan
- Program jangkauan di bawah inisiatif 'Klik Dengan Bijak', di Pusat Internet 1Malaysia seluruh negara.

Program advokasi ini bertujuan mendidik masyarakat agar lebih "celik fakta", mahir menganalisis berita dan sentiasa berwaspada sebelum bertindak menyebarkan berita yang tidak ditentu sahkan. Usaha berterusan ini digerakkan dengan penganjuran 24 siri jelajah kempen Sebenarnya.my yang dirancang di seluruh negara bertujuan untuk mendekati masyarakat dalam memberi pemahaman terhadap bahaya penularan berita palsu selain memberi penjelasan mengenai fungsi portal Sebenarnya.my.

**SOALAN NO: 31**

Matlamat utama Kerajaan adalah untuk melahirkan masyarakat yang lebih peka dan membudayakan amalan menyemak dan menganalisis berita yang diterima. Analisis yang dijalankan melalui portal Sebenarnya.my mendapati terdapat peningkatan purata 10% setiap suku tahun (*quarterly*) terhadap jumlah layaran portal. Peningkatan ini memberi indikasi positif peningkatan kadar kesedaran dalam kalangan masyarakat ke arah membudayakan amalan menyemak, menganalisis dan menentu sahkan berita yang diterima khususnya melalui saluran-saluran yang kredibel.

NO. SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
[ AMPANG ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2018**

**RUJUKAN : 10632**

**SOALAN:**

**Puan Zuraida Binti Kamaruddin [ Ampang ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan sama ada pihak Jabatan Penjara  
Malaysia menjejaki dan memantau setiap bekas banduan perogol  
kanak-kanak atau wanita khususnya yang menetap di mana-  
mana kediaman masyarakat.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada asasnya tiada peruntukan undang-undang yang membolehkan seseorang bekas banduan yang dibebaskan setelah selesai menjalani hukuman diberi pengawasan PDRM ke atas kesalahan yang telah dilakukannya kerana bekas banduan berkenaan mempunyai hak asasi sebagai rakyat biasa untuk menjalani kehidupan seharian secara aman dan bebas.

Walau bagaimanapun, PDRM akan mengambil tindakan untuk mengenalpasti dan menyenaraikannya di bawah pentadbiran polis daerah berkenaan sebagai orang-orang yang perlu diberi perhatian terutamanya kepada pesalah-pesalah berulang (*Residivis*).

Bahagian Pendaftaran Jenayah ( D2 ) Jabatan Siasatan Jenayah telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan daftar penjenayah bagi Malaysia dan Singapura sepertimana termaktub di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah Dan Orang Yang Tidak Diingini 1969. Rekod-rekod penjenayah akan didaftarkan dalam sistem pendaftaran jenayah bertujuan untuk memudahkan tapisan keselamatan dan sabitan lalu penjenayah bagi pertuduhan di mahkamah dan penyediaan fail kes.

NO SOALAN : 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,**

**PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI  
MAHMUD  
(KOTA RAJA)**

**TARIKH : 03.04.18  
(SELASA)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilangan terkini pesara tentera dan polis yang telah memiliki tanah di bawah Rancangan Penempatan Tersusun (RPT) serta jenis-jenis masalah untuk golongan tersebut yang masih gagal mendapat keistimewaan yang sama seperti dijanjikan Kerajaan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan tidak mempunyai sebarang data mengenai pesara tentera yang telah memiliki tanah di Rancangan Penempatan Tersusun (RPT) kerana ianya berada di bawah kuasa yang diperuntukan kepada kerajaan negeri.



**SOALAN NO: 34**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL  
SAMAD  
KAWASAN : PASIR GUDANG  
TARIKH : 03 APRIL 2018, SELASA**

**SOALAN:**

**YB DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD** minta **MENTERI  
KERJA RAYA** menyatakan bilakah perancangan pihak Kementerian  
untuk membaikpulih jalan-jalan rosak di FT35 serta pemasangan lampu  
jalan di kawasan tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh dari 2015 hingga 2017 Kementerian Kerja Raya telah memperuntukkan sebanyak **RM3.3 juta** bagi tujuan penyelenggaraan berkala pavemen bagi laluan FT35 Jalan Permas Jaya ke Pasir Gudang.

Manakala bagi skop elektrik melibatkan pembaikan dan pemasangan lampu jalan, Kementerian Kerja Raya telah mengarahkan JKR Negeri untuk menjalankan audit pemeriksaan bagi mengenalpasti jumlah peruntukan yang terlibat. Sehubungan itu, pemasangan lampu jalan di laluan FT35 akan dipertimbangkan oleh Kementerian ini berdasarkan keperluan daripada JKR Negeri Johor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi tahun 2018 Kementerian Kerja Raya mencadangkan peruntukan sebanyak **RM3.65 juta** untuk penyelenggaraan jalan di laluan FT35 melibatkan skop berkala pavemen dan bukan pavemen. Walaubagaimanapun ia tertakluk kepada kelulusan daripada Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.